



'LUAS PERJALANAN':
Pengalaman tinggal di luar negara telah membantu Cik Hannah memahami peri penting menghormati perbezaan antara budaya dan agama yang diharapkan menjadi aset apabila kembali bertugas di Singapura nanti. – Foto ihsan HANNAH CHIA

Penerima Biasiswa MND hargai perbezaan budaya

► **NUR SYUHRAH HASSAN**
nsyuhrah@sph.com.sg

WALAUPUN baru berusia 19 tahun, Cik Hannah Chia telah berpengalaman bermastautin di beberapa negara termasuk India dan Arab Saudi selama lapan tahun.

Buat masa ini, beliau berada di Oman bersama keluarganya, tempat 'persinggahan' terkini sejak Disember lalu.

Memandangkan ibu bapanya dihantar bekerja di tempat-tempat itu, anak sulung dalam keluarga dua beradik itu akan turut ikut 'pindah'.

Pengalaman yang diraih semasa bergaul dengan orang ramai dari berlainan budaya dan latar belakang di luar negara telah membantunya lebih memahami peri penting menghormati perbezaan antara budaya dan agama yang diharap menjadi asetnya apabila kembali bertugas di Singapura, kata Cik Hannah dalam wawancara dengan *Berita Harian* (BH) baru-baru ini.

Beliau antara 43 pelajar yang menerima biasiswa di bawah program Pembangunan Eksekutif dan Pertukaran Pembangunan (EDGE) Kementerian Pembangunan Negara (MND) tahun ini dan akan melanjutkan pengajian di Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam jurusan komputer sains bulan ini.

Program EDGE adalah projek pengembangan bakat secara bersama dilaksanakan oleh MND dan lembaga berkanun utama di bawahnya, menurut maklumat di laman web MND.

Menurut MND lagi, siswazah yang telah melalui EDGE boleh menjangkakan laluan kerjaya yang bermakna dengan keluarga MND yang menyediakan banyak peluang untuk membentuk dasar bagi memajukan Singapura, kepentingan nasional dan menjadikan negara ini kediaman dan bandar global yang istimewa.

Menurut Cik Hannah, kehidupannya setakat ini telah memberinya pandangan yang berbeza dan diharap dapat membantunya memberi sumbangan kepada negara nanti.

Menurut Cik Hannah, yang dijangka bertugas di Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA) selepas menamatkan pengajian universiti, berharap

dapat membina ruang komuniti di bandar – sesuatu yang dekat di hatinya,

Menceritakan pengalamannya di luar negara, Cik Hannah berkata beliau menetap di Arab Saudi selama tiga tahun sebelum kembali ke Singapura untuk memulakan pendidikan sekolah rendahnya.

Mengimbas pengalamannya, Cik Hannah berkata ibunya akan mengenakan pakaian abaya setiap kali berada di luar rumah demi menghormati masyarakat di sana.

Tambahan juga, setiap Ramadan, keluarganya elak daripada makan di luar sebelum masa iftar.

Pada 2015 pula, beliau telah mengikut keluarganya ke India selama dua tahun.

Di India, beliau ingat akan pengalamannya dengan lebih jelas kerana sudah remaja.

Dalam satu lawatan sekolah di Uttar Pradesh, beliau teruja dengan pemandangan di sana.

"Saya menghargai segala pengalaman yang dilalui kerana negara-negara itu kaya dengan sejarah. Saya pelajari bahawa dunia ini lebih luas daripada apa yang kita jangkakan. Oleh itu, kita juga harus memperluaskan minda kita dalam kehidupan ini," ujar Cik Hannah.

Minat dan semangat Cik Hannah dalam bidang pengekodan dan pemrograman sangat menyerlah dan beliau menceburi bidang itu dari kecil lagi, katanya.

"Saya memang suka permainan atau aktiviti yang mempunyai elemen penyelesaian masalah," tambah Cik Hannah.

Beliau terdorong untuk belajar jurusan komputer sains kerana minatnya itu serta yakin bahawa beliau dapat cemerlang dalam subjek berkenaan.

Beliau juga perhatikan bahawa jurusan itu menawarkan ijazah yang paling 'serba boleh' dengan dunia sekarang menjejaki revolusi perindustrian yang keempat dan dengan kemahiran komputer, ianya sangat relevan.

Walaupun berada jauh di Oman, Cik Hannah masih ingin menguji kemahirannya dalam pemrograman dengan menyertai satu pertandingan yang dianjurkan di Singapura.

Beliau juga kerap mengambil kursus-kursus percuma dalam talian untuk mengasah minatnya itu.